

NFC beroperasi seperti biasa

GEMAS: Pusat Fidlot Nasional (NFC) di sini yang diurus National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), anak syarikat Agroscience Industries Sdn Bhd, semalam, beroperasi seperti biasa malah membuka tawaran pekerjaan baru.

Wakil *Berita Harian* yang membuat tinjauan di pusat itu semalam, mendapati kakitangan keluar masuk seperti biasa dan difahamkan tiada rombakan operasinya termasuk pembuangan pekerja.

Pusat itu turut membuka tawaran pekerjaan sebagai pekerja am terutama bagi rumah sembelihan dalam kawasan ladang seluas 2,000 hektar itu.

Cubaan masuk ke dalam kawasan itu dihalang pengawal keselamatan yang meminta wakil *Berita Harian* menghubungi pihak pengurusan.

Permohonan itu juga gagal apabila dimaklumkan mereka perlu mendapat arahan ibu pejabat NFCorp di Kuala Lumpur.